Filariasis limfatik merupakan satu daripada enam jangkitan penyakit yang dikenalpasti dan tersenarai sebagai masalah kesihatan awam. Penyakit ini terlibat di dalam program eliminasi sejagat di bawah perbadanan kesihatan sedunia yang mana matlamat program ini perlu dicapai pada tahun 2020 (WHO, 1998). Parasit menjangkiti jutaan manusia setiap tahun dan ini melemahkan individu yang dijangkiti. Ia semakin menular di negara tropika serta sub-tropika di mana taburan transmisi penyakit ini



berkaitrapat dengan status sosioekonomi dan faktor perilaku populasi di kawasan endemik. Mengikuti perangkaan WHO, penyakit ini dikenal pasti sebagai punca utama yang kedua kepada ketidakupayaan serius jangka panjang yang kekal dan menyebabkan kehilangan pekerjaan, stigmatisasi serta pengasingan diri pesakit tersebut daripada masyarakat (WHO, 1997a, b). Rajah 1.1 menunjukkan taburan filariasis limfatik secara global.

## 1.2 Taksonomi dan kitar hidup

Filaria nematoda adalah cacing multisel panjang berbentuk selinder yang jangkitannya boleh menyebabkan penyakit kepada manusia. Filaria boleh dikelaskan seperti berikut:

Alam	: Haiwan
Filum	: Nematoda
Kelas	: Secernentea
Ordo	: Spirurida
Famili	: Onchocercidae
Genus/spesies	: Limfatik dan bukan limfatik

Limfatik	Bukan limfatik
<i>Wuchereria bancrofti</i>	<i>Onchocerca volvulus</i>
<i>Brugia malayi</i>	<i>Loa-loa</i>
<i>Brugia timori</i>	<i>Dirofilaria immitis</i>


Kitar hidup cacing brugia dan wuchereria adalah serupa. Habitat cacing jantan dan betina dewasa biasanya hadir di dalam nodul limfa dan saluran limfa yang berdekatan dengan nodul ini. Cacing betina adalah ovoviviparous yang dapat menghasilkan ratusan mikrofilaria atau larva peringkat 1 ( $L_1$ ). Mikrofilaria berada di peredaran darah yang kebanyakannya memperlihatkan mikrofilaria jenis periodik nokturnal yang dijumpai di dalam darah periferi antara jam 10 malam hingga 2 pagi. Kebanyakan cacing dewasa filaria limfatik hidup di antara 7 hingga 10 tahun tetapi jangka hayat parasit ini boleh mencecah sehingga 40 tahun (Leeuwin, 1962).

Perumah perantaraan (genera *Aedes*, *Culex*, *Anopheles*, *Mansonia*) menghisap darah daripada perumah yang dijangkiti dan mikrofilaria akan masuk ke dalam perut nyamuk dimana ia kehilangan sarung dalam masa 2 hingga 6 jam pertama. Selepas itu, parasit ini memasuki dinding usus dan rongga badan lalu memasuki otot rongga dada. Pembentukan sarung larva berlaku dua hari kemudian. Larva peringkat kedua ( $L_2$ ) adalah berbentuk sosej dan masa yang diambil untuk membentuk  $L_2$  adalah dua minggu. Larva kemudian memanjang dan cacing filaria sekunder peringkat ketiga terbentuk. Panjang cacing larva peringkat ketiga ( $L_3$ ) adalah 1.4 hingga 2 mm.

Larva peringkat ketiga bergerak daripada labium nyamuk menjangkiti perumah baru bila vektor ini menggigit. Ia memasuki kulit melalui luka hasil daripada gigitan nyamuk, dan menghasilkan larva peringkat keempat ( $L_4$ ) sehingga menghasilkan cacing jantan dewasa. Cara larva ini memasuki perumah tidak diketahui sepenuhnya tetapi ia berpindah daripada saluran limfa dan akhirnya kebanyakannya berada dalam kelenjar limfa di pangkal paha dan ke bahagian bawah badan manusia. Dalam filariasis bankrofti,



Rajah 1.1 Taburan filariasis limfatik secara global (WHO, 2001)

 Kawasan endemik filariasis

ia juga mungkin berada di kelenjar limfa di bahagian tangan dan payudara.

Cacing dewasa betina dan jantan mengawan dan melepaskan beribu-ribu mikrofilaria ke dalam darah dan seterusnya boleh dipindahkan ke dalam vektor nyamuk. (Nanduri & Kazura, 1989). Rajah 1.2 merupakan ringkasan kitar hidup filaria limfatik.

### **1.3 Morfologi cacing filaria limfatik**

Cacing betina dewasa mempunyai dua uterus yang berisi penuh dengan mikrofilaria dan biasanya terdapat di dalam salur limfa (kehadiran parasit ini dalam tisu nodus jarang dilaporkan). Morfologi cacing *W.bancrofti* amat berbeza daripada spesies lain. Bagi spesies *W.bancrofti* jenis periodik nokturnal, ia mempunyai sarung pada peringkat mikrofilaria (larva) yang bersaiz diantara 245 hingga 300  $\mu\text{m}$ . Pada peringkat ini, cacing berbentuk panjang, halus dengan lengkung badan yang licin (tidak bersudut), lebar ruang sefalik adalah 1:1 (nisbah panjang dan lebar kepala), nukleus badan adalah jelas dan tidak bertindih, tidak terdapat dua nukleus ekor diujung posterior (yang mana taburan nukleus berhenti mendadak). Mikrofilaria mengambil masa beberapa bulan untuk mencapai peringkat seksual yang matang. Apabila dewasa, ia boleh hidup selama beberapa tahun (John & William., 2006a). Cacing jantan dewasa mempunyai pelbagai saiz iaitu diantara 4 hingga 6 cm panjang dan 0.2 mm lebar manakala cacing dewasa betina pula mempunyai saiz diantara 6 hingga 10 cm panjang dan 0.2 mm lebar.

Walaupun secara kasarnya, morfologi cacing *Brugia malayi* adalah kelihatan sama seperti *W.bancrofti*, namun spesies ini boleh dibezakan antara satu sama lain. Sebanyak 50 hingga 80 peratus mikrofilaria periodik nokturnal *B.malayi* terlepas

daripada sarung dalam apusan berwarna. Ia berbentuk panjang halus dengan lengkung badan yang bersudut. Badannya berukuran 170 hingga 260  $\mu\text{m}$  panjang dan 5-6  $\mu\text{m}$  lebar, ruang lebar sefalik adalah 2:1, nukleus badan berkelompok, tidak teratur, kasar dan bertindih antara satu sama lain (kelihatan tidak begitu jelas) dan dua nukleus ekor (nukleus hujung atau terminal) terpisah diujung posterior (Noor Hayati, 2000). Ia mempunyai sarung luar yang lebih panjang daripada badannya. Hujung anteriornya bulat tanpa nukleus dan mempunyai dua stilet (ekornya menajam). Cacing betina dewasa mempunyai panjang 5  $\mu\text{m}$  X 160  $\mu\text{m}$  belahan melintang dan cacing jantan dewasa berukuran 2.2 mm hingga 2.5  $\mu\text{m}$  panjang X 90  $\mu\text{m}$  belahan melintang (Thomas, 1983). Ciri-ciri morfologi bagi *B.malayi* subperiodik nokturnal adalah sama dengan periodik nokturnal tetapi 100 peratus mikrofilarianya kekal di dalam sarung (Noor Hayati, 2000).


Morfologi cacing dewasa *Brugia timori* seakan-akan cacing dewasa *B.malayi* tetapi ekornya panjang meruncing dan saiznya lebih besar iaitu 310  $\mu\text{m}$  (John *et al.*, 2006b). Rajah 1.3a, b, dan c menunjukkan perbezaan struktur mikrofilaria *W.bancrofti*, *B.malayi* dan *B.timori*.

#### **1.4 Fenomena periodisiti mikofilaria (kekalaan)**

Keunikan mikrofilaria *W.bancrofti* dan *B.malayi* ialah bilangan atau kepekatan yang pelbagai di dalam peredaran darah periferi (Turner *et al.*, 1957). Pada asasnya, parasit filaria dibahagikan kepada dua kumpulan berdasarkan periodisiti mikrofilaria iaitu strain periodisiti nokturnal dan subperiodik nokturnal. Bagi strain periodisiti nokturnal, puncak kepekatan mikrofilaria adalah diantara jam 10 malam hingga 2 pagi.

Tiada parasit yang boleh dikesan di dalam darah periferi semasa siang hari. Strain subperiokdik nokturnal juga menunjukkan tahap parasitemia yang tinggi pada malam hari, tetapi 40% hingga 60% tahap puncak ini adalah sama pada siang hari (Dondero *et al.*, 1971 & Guptavanij dan Harinasrta, 1971). Selain daripada itu terdapat spesies *W.bancrofti* diurnal subperiodik di beberapa Kepulauan Pasifik Selatan dan Kepulauan India yang mana mikrofilaria beredar dalam darah periferi hanya pada siang hari terutamanya di waktu pagi dan senja (McCavthy, 2000). Periodisiti spesies *W.bancrofti* dan *B.malayi* bergantung kepada aktiviti harian perumah dan bukan giliran siang atau malam hari. Oleh itu sekiranya perumah tidur pada siang hari dan bekerja pada malam hari maka periodisiti mikrofilaremia juga terbalik. Kajian ke atas spesies *W.bancrofti* dan *B.malayi* mencadangkan bahawa periodisiti adalah berkait dengan perubahan tekanan oksigen di antara salur arteri dan vena di dalam paru-paru (Hawking & Gammage, 1968 & Burren, 1972). Apabila mikrofilaria tiada dalam peredaran darah periferi, ia sebenarnya berkumpul di dalam arteriol paru-paru.

## PEMBENTUKAN PERINGKAT VEKTOR




## PEMBENTUKAN PERINGKAT VERTEBRATA

Rajah 1.2: Kitar hidup filaria limfatik (Schott, 2000)



(a) Mikrofilaria *W.bancrofti* (1000X)



(b) Mikrofilaria *B.malayi* (1000X)



(c) Mikrofilaria *B.timori* (1000X)

Rajah 1.3a, b, c: Perbezaan struktur mikrofilaria *W.bancrofti*, *B. malayi* dan *B.timori*

Nota: Anak panah menunjukkan dua nukleus pada ekor filaria *B.timori*

(Rujukan: <http://www.biologie.de/biowiki/Fadenw%C3%BCrmer>)



Kajian mendapati bahawa jika terdapat perbezaan tekanan oksigen kurang daripada 50 mm raksa di dalam arteri-venus, maka mikrofilaria berkumpul di dalam paru-paru (Hawking *et al.*, 1966 & Hawking, 1967). Apabila perbezaan tekanan oksigen di dalam arteri-vena melebihi 50 mm tekanan raksa semasa tidur, mikrofilaria akan berpindah daripada vaskular paru-paru dan muncul di dalam peredaran darah periferi (Hawking & Gammage, 1968).

### **1.5 Risiko Jangkitan filariasis limfatik**

Risiko jangkitan adalah bergantung kepada tempoh pendedahan seseorang individu tersebut pada vektor yang terjangkit di kawasan yang endemik bagi penyakit ini. Bilangan nyamuk yang menggigit lebih daripada beberapa bulan hingga ke tahun diperlukan untuk membolehkan seseorang itu dijangkiti fiariasis limfatik. Dalam erti kata lain, lebih lama individu tersebut tinggal dikawasan-kawasan seperti ini, maka risiko yang besar untuk memperolehi jangkitan ini adalah tinggi dan sebaliknya (Nanduri & Kazura, 1989). Kaum lelaki dilaporkan mempunyai kadar jangkitan lebih tinggi berbanding kaum perempuan pada umur yang sama. Perbezaan kadar jangkitan adalah berhubung secara langsung dengan tingkah laku vektor dan tabiat sosial sesetengah komuniti (Grove *et al.*, 1978). Contohnya ialah kanak-kanak dan perempuan dewasa tidak menghabiskan masa yang banyak di lapangan sedangkan kaum lelaki terlibat sepenuhnya dengan penanaman dan penuaian yang menyebabkan mereka mungkin lebih terdedah kepada gigitan nyamuk yang terinfeksi (Valeza & Grove, 1979). Imuniti transplasenta dan penyusuan ibu yang terjangkit kepada anak juga mempengaruhi penyebaran dan intensiti jangkitan terutama kanak-kanak di bawah umur 5 tahun (Schrater *et al.*, 1983).

## 1.6 Epidemiologi

Faktor terpenting penyebaran jangkitan di dalam komuniti adalah kekerapan pendedahan jangkitan terhadap larva peringkat ketiga (Piessens & Partono, 1980a). Ini kerana keadaan persekitaran diantara kawasan endemik yang pelbagai, iaitu di kawasan tersebut mungkin mempunyai komuniti yang berbeza dari segi umur, prevalen yang spesifik terhadap jantina, intensiti jangkitan di kawasan yang berbeza atau dalam negara yang sama (Grove *et al.*, 1978).

Lebih kurang 90% jangkitan filaria pada manusia adalah disebabkan oleh jangkitan filaria *W.bancrofti* dan meliputi kawasan Ásia Tenggara, China, India, Amerika Latin, Afrika dan Kepulauan Pasifik. Ia disebarkan oleh nyamuk daripada genus *Culex*, *Anopheles* dan *Aedes* (WHO, 1998). Filaria *B.malayi* dan *B.timori* pula dianggarkan sebanyak 13 juta iaitu 10% manusia dijangkiti di India, China, Indonesia, Filipina, India, Korea, Jepun, Thailand, Vietnam dan di Malaysia (Ottesen *et al.*, 1997). Parasit ini disebarkan oleh nyamuk daripada genus *Mansonia*, *Anopheles* dan *Aedes* (WHO, 1998).

Parasit filariasis *B.timori* adalah endemik di bahagian timur Indonesia dan menjadi masalah kesihatan awam (Partono *et al.*, 1978). Kehadiran spesies ini di Pulau Timor dilaporkan pada tahun 1964. Ia disebarkan oleh nyamuk daripada spesies *Anopheles barbirostris* iaitu vektor yang mengigit pada waktu malam (John *et al.*, 2006a). Di Alor pula, prevalen jangkitan *B.timori* di kawasan penanaman padi adalah diantara 5 hingga 25 peratus manakala prevalen jangkitan filariasis *W.bancrofti* pula adalah di kawasan pantai yang melibatkan 20 % jangkitan pada penduduknya (Supali *et al.*, 2002).

Filaria *Brugia malayi* dan *W.bancrofti* merupakan filariasis limfatik utama yang menjangkiti manusia di Malaysia tetapi hanya 12% sahaja individu normal dijangkiti filaria bankrofti iaitu 0.75% (4/530). Pada tahun 1990 manakala kadar tertinggi adalah pada tahun 1998 iaitu 11.3% (31/275) dan kebanyakannya adalah berpunca daripada pekerja asing. Strain nyamuk yang menyebarkan filaria *W.bancrofti* adalah *Culex quinquefasciatus* yang hidup di air bersih dan di kubahan najis tetapi strain ini jarang ditemui. Filariasis limfatik utama yang menjangkiti individu di Semenanjung Malaysia adalah daripada filaria *Brugia malayi* iaitu melebihi 85% daripada kes filariasis yang dikesan; Sabah dan Sarawak merupakan negeri yang paling endemik. Kawasan endemik adalah di kawasan hutan hujan yang berpayau juga menjadi habitat bagi nyamuk *Mansonia* (Kementerian Kesihatan Malaysia, 1990-1999)

Penyelidikan filariasis limfatik di Malaysia melibatkan tiga fasa iaitu memfokuskan ke atas pembawa mikrofilaria yang melibatkan hospital Kuala Lumpur dan Raub (1908-1952). Hospital ini telah membuat analisa untuk mengenalpasti kawasan endemik bagi kawasan filariasis brugia dan bankrofti dengan mengenalpasti pembawa atau vektor bagi kedua-dua filariasis tersebut. Daripada kajian tersebut mendapati bahawa kawasan endemik bagi filariasis brugia adalah di Seberang Prai, Sabak Bernam, persisiran pantai (Perak dan Pahang) dan kawasan penanaman di Kedah manakala vektor jangkitan adalah terdiri daripada nyamuk daripada spesies *Mansonia annulata*, *M.annulifera*, *M.longipalpis* dan *M.uniformis*. Filariasis bankrofti pula dibawa oleh pendatang asing daripada negara China dan India. Fasa kedua pula (1953-1961) melibatkan pemetaan bagi kawasan endemik di Pahang, Terengganu, Kedah dan Pahang. Dua strain dikenalpasti iaitu strain periodik di kawasan penanaman padi di Kedah dan

strain subperiodik nokturnal di kawasan hutan hujan di Pahang. Fasa ketiga (1962 dan ke atas) melibatkan pengenalpastian kaedah yang sesuai untuk kawalan filariasis limfatik di Malaysia (Mak, 1983).

### **1.7 Hubungan vektor dan parasit**

Zoonosis diistilahkan sebagai sebarang jangkitan penyakit yang boleh dipindahkan daripada haiwan (liar atau domestik) kepada manusia atau daripada manusia kepada haiwan melalui vektor atau pembawa. Nyamuk merupakan vektor bagi filaria brugia dan bankrofti tetapi hanya filariasis brugia merupakan jangkitan zoonotik. Kecekapan spesies nyamuk yang spesifik bagi pemindahan jangkitan filaria kepada manusia ditentukan oleh pelbagai faktor. Sesetengah spesies tidak memindahkan parasit kerana gagal untuk melepaskan mikrofilaria ke dalam perumah baru bagi membolehkan aktiviti jangkitan berlaku. Sesetengah nyamuk mungkin vektor yang sangat lemah kerana populasi terlalu rendah atau tidak menggigit manusia kerana ia mungkin menghisap darah binatang lain (Mattingly *et al.*, 1969 & Wharton, 1962)

Jangkitan *B.malayi* nokturnal dikategorikan sebagai bukan zoonosis kerana vektor strain *Anopheles* dan *Aedes* ditemui terutamanya di dalam kawasan pertanian di mana kedua-dua bilangan dan diversiti haiwan liar adalah terhad (Laing *et al.*, 1961). *B.malayi* daripada strain subperiodik adalah zoonotik dan nyamuk *Mansonia* adalah vektor dan strain jenis ini biasanya menggigit manusia dan perumah haiwan liar seperti monyet hutan (Wharton, 1963 & Wijers & Kinyanjui, 1977). Filariasis bankrofti tidak dikategorikan sebagai zoonosis kerana ia tidak menjangkiti haiwan lain. Penyebaran filariasis ini terhad kepada manusia sahaja kerana tiada haiwan yang berpotensi

dijangkiti oleh filaria tersebut, dan ia hanya disebarkan oleh nyamuk daripada jenis periodik nokturnal yang menjadikan filaria ini sukar menjangkiti haiwan lain (Molynux *et al.*, 2003).


## **1.8 Manifestasi klinikal**

Manifestasi klinikal filariasis limfatik adalah pelbagai dan ia disebabkan oleh kehadiran cacing dalam sistem limfa yang boleh menyebabkan kerosakan pada dinding serta kelenjar. Penyakit ini biasanya tidak mengancam nyawa namun ia boleh merosakkan sistem limfa dan ginjal kerana salur limfa tidak boleh berfungsi secara normal. Kebanyakan pesakit tidak mengetahui bahawa mereka mendapat jangkitan filariasis kerana tiada sebarang simptom yang ketara ditunjukkan pada peringkat awal.

Selepas cacing dewasa di dalam badan mati, tanda dan simptom tertentu boleh dikesan pada pesakit. Tindakbalas keradangan atau infamasi pada tubuh menandakan kehadiran parasit itu dan jangkitan sekunder juga dicirikan dengan kerosakan pada sistem limfatik. Pengeraman L<sub>3</sub> sehinggalah cacing dewasa mati biasanya mengambil masa 8 hingga 16 bulan (WHO, 1984). Namun begitu, masa pengeraman paling pendek apabila L<sub>3</sub> memasuki perumah adalah empat minggu sebelum mencetuskan simptom klinikal. Selang masa ini juga berbeza daripada satu kawasan ke kawasan endemik lain iaitu ada di antara dua hingga lebih daripada 10 tahun.

Pengumpulan cecair yang menyebabkan bengkak pada bahagian lengan, payu dara dan kaki dikenali sebagai limfadema. Bagi lelaki pula, jangkitan *W.bancrofti* boleh menyebabkan kawasan genital menjadi bengkak dan keadaan ini dipanggil hidrosel.

Kaki, lengan atau kawasan genital mengalami pembengkakan beberapa kali lebih besar daripada saiz normal. Bengkak dan pengurangan fungsi sistem limfa menjadikan sistem imun badan pesakit itu sukar untuk melawan jangkitan lain terutamanya jangkitan kulat. Pesakit akan berisiko dijangkiti pelbagai jangkitan bakteria dalam kulit dan sistem limfa, seterusnya menyebabkan penebalan serta kekerasan pada kulit yang dikenali sebagai elephantiasis. Pengkelasan jenis jangkitan terbahagi kepada empat iaitu asimptomatik amikrofilaremia, mikrofilaremia asimptomatik, manifestasi akut dan kronik. Carta spektrum manifestasi klinikal filariasis limfatik ditunjukkan pada rajah 1.4.



Nota: \* berlaku pada semua pesakit yang mempunyai mikrofilaria, \*\* berlaku pada semua pesakit

Rajah 1.4: Carta spektrum penyakit filariasis

### **1.8.1 Asimptomatik amikrofilaremia**

Manifestasi ini biasanya berlaku di kawasan endemik di mana pesakit yang mendapat jangkitan filariasis tidak menunjukkan tanda-tanda atau sebarang simptom penyakit (Neva & Ottesen, 1978). Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pendedahan pesakit terhadap filaria adalah tidak mencukupi untuk menunjukkan tanda-tanda jangkitan atau individu tersebut telahpun imun dengan jangkitan filaria.

Ada juga individu yang tinggal di kawasan endemik tetapi tidak menunjukkan kehadiran mikrofilaria dalam peredaran darah iaitu amikrofilariamik. Individu seperti ini mungkin telah resistan atau rintang terhadap jangkitan dan memperlihatkan kandungan limfosit yang banyak untuk bertindakbalas dengan antigen filaria (Piessens *et al.*, 1980b). Pesakit dalam kategori ini pula mengalami kerosakan limfa sub-klinik.

### **1.8.2 Mikroflaremia asimptomatik**

Kebanyakan pesakit filariasis limfatik menunjukkan klinikal asimptomatik, walaupun mereka mempunyai mikrofilaria di dalam peredaran darah. Golongan ini mengalami kerosakan limfa sub-klinik serta hematuria mikroskopik akibat kerosakan pada ginjal. Sebilangan individu yang tinggal di kawasan endemik mempunyai mikrofilaremia tetapi tidak menunjukkan manifestasi klinikal yang ketara. Sesetengah pula kekal mikrofilaremik tetapi asimptomatik bertahun-tahun lamanya. Kebanyakan individu di dalam kategori ini mengandungi limfosit-T yang secara spesifiknya tidak bertindakbalas dengan antigen filaria (antigen larut yang disediakan di dalam penimbal akuas) (Piessens *et al.*, 1980b).



### **1.8.3 Manifestasi akut**

Pesakit yang mengalami manifestasi ini dicirikan dengan beberapa manifestasi akut yang berlainan. Setiap manifestasi ini mempunyai penyebab mekanisma dan implifikasi patogenik yang berbeza. Inflamasi akut berulang pada anggota badan atau skrotum berkait rapat dengan jangkitan bakteria atau fungus yang merosakkan fungsi limfatik dan merupakan punca penyakit yang amat penting dalam manifestasi akut.

Demam filaria ialah keadaan dimana inflamasi bermula dalam nodul limfa dan berlanjutan hingga ke saluran limfa pada bahagian bawah badan manusia serta diiringi dengan demam dan oedema. Inflamasi terjadi disebabkan oleh rangsangan imun terhadap cacing dewasa yang mati dalam saluran limfatik atau mungkin disebabkan oleh tindakbalas imun hipersensitif semasa proses untuk pembentukan larva. (Turner *et al*, 1957 & Von Lichtenberg, 1957).

### **1.8.4 Manifestasi kronik**

Cacing dewasa yang dibawa oleh nyamuk dan menjangkiti individu secara berterusan sehingga bertahun-tahun akan menyebabkan individu tersebut mengalami manifestasi kronik. Jangkitan menyebabkan limfadema pada lengan, kaki, payudara dan genital akibat daripada pengumpulan cecair sehinggalah ke peringkat yang lebih kronik iaitu elephantiasis (Ottesen, 1992). Pembengkakan di kawasan genital kaum lelaki dikenali sebagai hidrosil. Hidrosil adalah manifestasi klinikal bagi filariasis limfatik yang ditemui hanya dengan jangkitan *W.bancrofti*. Manifestasi ini jarang berlaku pada kanak-kanak tetapi insidennya meningkat secara progresif mengikut peringkat umur. Sebanyak 40-60 peratus kaum lelaki dewasa mempunyai hidrosil di dalam kebanyakan

komuniti endemik. Ia berlaku disebabkan oleh tindakbalas inflamasi atau keradangan di dalam salur limfatik. Ada dikalangan pesakit mengalami hidrosil tetapi masih mempunyai mikrofilaria yang beredar dalam sistem peredaran darah. Ultrasonografi secara langsung boleh memperlihatkan cacing filaria bankrofti pada salur limfatik skrotum yang menjadi tapak sasaran bagi lokasi cacing dewasa. Cacing dewasa yang bertapak di dalam salur limfatik yang semakin menebal dapat dirasai dengan tangan apabila pemeriksaan secara fizikal dilakukan terhadap pesakit yang mengalami simptom hidrosil. Hidrosil yang terhasil di dalam penis dan skrotum boleh menjadi lebih besar tetapi ia tetap berlaku tanpa limfadema atau elefantiasis apabila pengaliran cecair di dalam tisu limfatik mengalir keluar daripada tisu limfatik dan memasuki tisu yang berdekatan dengan tisu tersebut (Nanduri & Kazura, 1989)

Limfadema merupakan peringkat manifestasi klinikal yang paling teruk di dalam filariasis limfatik. Ia boleh diklasifikasikan kepada empat gred iaitu:

Gred 1: Edema awal yang berbalik sepenuhnya secara spontan

Gred 2: Edema kaki separuh berbalik tanpa penebalan kulit bukan secara spontan

Gred 3: Edema kaki yang tidak berbalik dengan penebalan kulit bukan secara spontan.

Gred 4: Edema kaki yang tidak berbalik dengan pertumbuhan kapilari dan nodul (elefantiasis)

Individu yang mengalami limfadema gred tiga dan empat biasanya amikrofilaremia. Limfadema bagi pesakit filariasis brugia biasanya melibatkan kaki dan lengan tetapi limfadema kaki lebih kerap berlaku berbanding genital dan lengan (WHO, 1992).

Elefantiasis pula merupakan peringkat yang paling kronik kerana pada peringkat ini pembengkakan anggota tidak boleh surut. Ia disebabkan oleh penyumbatan salur limfatik yang mengakibatkan pembengkakan, pengerasan, pengerutan dan pemecahan yang progresif pada kulit. Peringkat kronik memakan masa antara 10 hingga 15 tahun selepas jangkitan filaria. Pesakit yang mengalami penyakit ini mestilah menjaga kebersihan diri supaya tiada jangkitan sekunder seperti pertumbuhan kulat dan bakteria berlaku (Nelson, 1979). Contoh manifestasi kronik yang melibatkan kaki pada rajah 1.5a dan kaki serta lengan pada rajah 1.2b

## **1.9 Filariasis okult**

Filariasis okult berlaku disebabkan oleh jangkitan filariasis di mana mikrofilaria dalam badan dimusnahkan oleh tindakbalas hiperimun perumah. Mikrofilaria tidak akan dilihat dalam darah periferi kerana ia terkumpul dalam paru-paru dan merosakkan organ ini. Pesakit akan kehilangan fungsi paru-paru yang menyebabkan fibrosis kronik. Kesan lain yang dapat dilihat ialah pesakit mengalami pembesaran nodul limfa, kerosakan salur pernafasan dan sindrom esinophilia tropika (TPE) (WHO, 1992). Manifestasi klinikal bagi pesakit TPE adalah seperti serangan batuk di waktu malam, sesak nafas yang seakan-akan mengalami asma bronkial, demam yang tidak terlalu tinggi, sakit dada, suara menjadi kasar dan pembesaran kelenjar limfa di leher dan siku. Titer bagi tahap Ig E spesifik antifilaria yang terdapat pada pesakit TPE adalah sangat tinggi. Pesakit tersebut mengandungi eosinofilia yang tinggi iaitu melebihi 3000/ml darah iaitu 3 kali ganda daripada individu normal (<http://www.filariasis.org/index.p/>).



(a)



(b)

- Rajah 1.5:
- a) Manifestasi kronik melibatkan kaki (elefantiasis atau untut)
  - b) Manifestasi kronik melibatkan kaki dan lengan.

### **1.10 Patogenesis dan patologi**

Patologi filariasis limfatik adalah hasil daripada kesan patogenik parasit yang kompleks, rangsangan imun perumah dan jangkitan luaran bakteria dan fungus. Patologi limfatik dan disfungsi peringkat awal boleh dikesan melalui teknologi ultrasonografi dan limfositigrafik iaitu teknik piawai untuk melihat salur limfa. Teknik ini membolehkan kita melihat pergerakan cacing secara langsung dari salur limfa. Ia digunakan untuk mengesan cacing dewasa di dalam skrotum, payudara (Amaral *et al.*, 1994 & Dreyer *et al.*, 1996a,b 1999c) dan pelbagai cacing di dalam kanak-kanak (Dreyer *et al.*, 1999a). Disfungsi salur limfa disebabkan oleh kehadiran cacing dewasa yang boleh menyebabkan dilatasi saluran limfatik. Pengumpulan cecair yang kaya dengan protein pada salur tersebut mengakibatkan jangkitan bakteria dan fungus yang berulang. Jangkitan yang berulang ini seterusnya boleh menyebabkan berlakunya dermatolymphangioadenitis akut (ADLA) dan akhirnya mendorong kepada pembentukan elefantiasis (Das *et al.*, 1994 & Dreyer *et al.*, 1999).

Populasi di kawasan endemik boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu individu amikrofilaremik dan asimptomatik manakala kumpulan kedua adalah individu mikrofilaremik yang kemudiannya amikrofilariamik dan akhirnya mengalami patologi limfatik tidak berbalik (Pani, 1998). Pada peringkat awal, individu mikrofilaremik asimptomatik mengalami tindakbalas imun di mana sitokin Th 2 menghasilkan interleukin-4, -5 dan -10 yang membolehkan mikrofilaria terus hidup (Maizel *et al.*, 1993). Kehadiran interleukin 4 telah merangsang pembiakan sel-B untuk menghasilkan antibodi IgG4 dan IgE. Antibodi IgG4 tersebut bertindak sebagai penghalang antibodi yang boleh mengurangkan aktiviti inflamatori IgE (Maizels & Lawrence, 1991).

Sebaliknya, pesakit yang mengalami filariasis limfatik peringkat kronik (elefantiasis) pula mempunyai tahap IgE, IgG1 dan IgG2 yang meningkat manakala tahap IgG4 pula menurun. Kematian larva peringkat terakhir yang diperantarai dengan IgE boleh menyebabkan terjadinya elefantiasis. Elefantiasis juga disebabkan oleh tindakbalas pasif hasil daripada kematian cacing dewasa secara semulajadi yang mencetuskan tindakbalas antibodi IgG1 dan IgG2 yang diperantarai tindakbalas inflamatori. Tindakbalas yang melampau ('hyper responses') ini mungkin boleh menyingkirkan parasit daripada sistem peredaran pada individu yang mengalami limfadema (Olszewski *et al.*, 1997).

### **1.11 Diagnosis**

Hingga kini diagnosis jangkitan filaria banyak bergantung kepada pemerhatian mikrofilaria secara langsung di dalam darah pesakit menggunakan teknik konvensional. Kaedah alternatif berdasarkan pengesanan antibodi dan antigen melalui ujian immunodiagnosis menggunakan antigen larut dan antibodi poliklon tidak sesuai kerana gagal untuk membezakan antara jangkitan aktif dan pasif. Ia juga mempunyai masalah spesifisiti kerana terdapat reaktiviti silang dengan sampel pesakit yang dijangkiti parasit saluran usus dan organisma lain. Oleh itu peningkatan kaedah pengesanan diperlukan untuk mendiagnosis filarisis limfatik.

Banyak pesakit limfatik filariasis adalah bersifat amikrofilariamik. Diagnosis jangkitan ini perlu dilakukan secara klinikal dengan sokongan daripada ujian makmal. Kebanyakan diagnosis klinikal adalah daripada sindrom esinophilia tropika (TPE) yang mempunyai jumlah serum IgE (kebanyakan lebih daripada 10000 ng/ml) dan antibodi antifilaria spesifik (IgG dan IgE). Bagi sindrom amikrofilariamik, pengesanan antibodi